



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 28/04/19**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**JURUEKOPERTANIAN (B.2 EB.3)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian II

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang '**Apply**';



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf



SIJIL Degree (Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN KELULUSAN** (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	PHD.pdf
	2016	2016	25/8/2016	MASTER.pdf
	2016	2016	25/8/2016	DEGREE.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HND.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HNC.pdf
	2016	2016	25/8/2016	ND.pdf

Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan ('field') seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda "+" disebalah kiri diruangan Bachelor of Arts. jika sekiranya belum diisikan maklumat bidang ('field'), sila tekan tanda "+add" dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.



		Title of Examination	University/College	Result of Examination	Upload File
		BACHELOR OF ARTS	Universiti Brunei Darussalam	PASS	DEGREE.pdf
		Field			
		BUSINESS ADMINISTRATION			
		+ Add			

- ✓ Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, pastikan mempunyai pengalaman sepertimana kehendak skim dan seterusnya memastikan **SIJIL Kelulusan Tertinggi** yang diperolehi berserta **KELULUSAN TRANSCRIPT** (jika berkenaan) dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar neger.

- ✓ Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan, pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "Current Government Employee"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee

Current Government Employee

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer	
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	



**1. JURUEKOPERTANIAN
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
B.2 EB.3 [\$2,270 - \$4,240 SEBULAN]
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:


- 1) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Biologi / Pertanian / Sains Tumbuhan / Pembiakan Tanaman / Genetik / Bioteknologi atau bidang berkaitan.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- 2) Mempunyai pengalaman dalam bidang pembiakbakaan padi hibrid adalah keutamaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Merancang dan memajukan program pembiakbakaan padi khususnya padi hibrid.
2. Melaksanakan kajian pembiakbakaan tanaman padi hibrid.
3. Mengenalpasti kaedah pembiakbakaan padi hibrid yang sesuai untuk digunapakai di Negara Brunei Darussalam.
4. Mengenalpasti dan memilih *variety* padi hibrid yang mempamerkan sifat-sifat yang dikehendaki.
5. Menjalankan aktiviti-aktiviti pengacukan tanaman padi hibrid untuk menghasilkan baka/*variety* baru dan seterusnya untuk diujicuba di ladang dan di makmal.
6. Melaksanakan program pengeluaran benih-benih induk dan F1 bagi padi hibrid.
7. Menyimpan rekod baka-baka padi yang dibangunkan atau digunakan dalam kerja-kerja pengacukan padi.
8. Menyediakan dan menganalisa data kajian dan seterusnya membuat penilaian secara saintifik ke atas progeni yang dihasilkan sama ada penilaian tersebut dibuat melalui pemeriksaan di makmal atau hasil kajian di ladang untuk memilih *variety* yang terbaik dan terunggul.



9. Membimbing dan memberi latihan teknikal kepada kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mengenai teknik pembiakbakaan tanaman padi hibrid.
10. Menerima dan memberi maklum balas persoalan / masalah yang diterima dari peladang, pakar agronomi dan lain-lain ahli profesional berhubung teknologi padi hibrid.
11. Menyediakan laporan saintifik berbentuk kertas penyelidikan atau pembentangan mengenai projek penyelidikan yang dijalankan.
12. Menulis dan menerbitkan hasil-hasil penemuan kajian saintifik yang telah dijalankan ke atas tanaman padi hibrid dan lain-lain bidang yang berkaitan.
13. Menyediakan bahan-bahan penerbitan seperti buku, risalah, *factsheets* dan poster untuk kegunaan Jabatan dan orang ramai.
14. Menyediakan spesifikasi teknikal untuk sebarang keperluan pembelian peralatan makmal yang diperlukan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti pembiakbakaan padi hibrid.
15. Membantu dalam penggubalan dasar-dasar Jabatan yang berkenaan dengan industri padi.
16. Melaksanakan tugas tambahan yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.